

Headline	Masjid Al-Falah jadi contoh guna sumber solar, elektrik		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	31 Jan 2017	Circulation	125,514
Section	Nasional	Readership	947,000
Page No	26	ArticleSize	402 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 13,804
Journalist	Adnan Ibrahim	PR Value	RM 41,412
Frequency	Daily		



# Masjid Al-Falah jadi contoh guna sumber solar, elektrik

● TNB guna khidmat untuk bekal tenaga teknologi hijau kepada 2,000 rumah penduduk

— Oleh Adnan Ibrahim

bhjb@bh.com.my

► Simpang Renggam

**M**asjid Al-Falah Kampung Batu 7 di sini, kini menggunakan sistem solar sebagai sumber bekalan tenaga elektrik di masjid itu.

Menerusi penggunaan sistem solar itu, pengurusan masjid tidak perlu lagi membayar bil elektrik, malah turut membekalkan elektrik kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang boleh menampung keperluan kira-kira 2,000 rumah di kawasan itu.

## Imbuhan RM1,800 sebulan

Pengerusinya, Yusof Md Seth, berkata TNB akan membayar kepada masjid sebanyak RM1,800 sebulan selama 20 tahun bagi pembekalan tenaga elektrik syarikat utiliti itu, sekali gus memberi pendaftaran tetap kepada pengurusan masjid.

“Apa yang lebih penting adalah masjid ini menjadi pencetus kepada kempen untuk dijadikan sebagai ikon kepada masjid lain untuk mengambil langkah yang sama.

## Modal bina RM100,000

“Bermula dengan modal pembinaan sebanyak RM100,000 yang disumbangkan Parliment Simpang Renggam, ia berjaya menjadikan

masjid ini sebagai pembekal tenaga elektrik kepada TNB dan masyarakat setempat,” katanya selepas pelancaran rasmi penggunaan Sistem Solar Masjid Al-Falah di sini, semalam.

Sempena program itu, sebanyak 10,000 kilogram (kg) beras dan 2,000kg gula diagihkan kepada 1,000 asnaf di Parliment Simpang Renggam.

Yusof berkata, bekalan elektrik menerusi sistem solar itu digunakan sepenuhnya mulai kelmarin dan pihaknya berharap langkah itu menjadi contoh kepada masjid dan pihak lain.

Katanya, pihaknya menghargai semua usaha yang dilakukan kerana memberi kebaikan kepada pengurusan pengurusan masjid yang lebih baik, selain turut memberi manfaat kepada penduduk setempat.

Fakta nombor

20 TAHUN

pembayaran RM1,800 sebulan diterima masjid daripada TNB

Headline	Masjid Al-Falah jadi contoh guna sumber solar, elektrik		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	31 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	26	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	402 cm <sup>2</sup>
Journalist	Adnan Ibrahim	AdValue	RM 13,804
Frequency	Daily	PR Value	RM 41,412



**Ahli Parlimen Simpang Renggam, Datuk Liang Teck Meng** menandatangani plak perasmian pelancaran penggunaan Sistem Solar Masjid Al-Falah di Simpang Renggam, semalam, sambil diperhatikan Pegawai Daerah Kluang, Mohd Noh Ibrahim.